

12/02/2003

KHFH lancar konsep kiosk bergerak

KEDAH Halal Food Hub (KHFH), syarikat pembekal daging segar dan beku yang beroperasi di Kompleks Paya Pahlawan dekat Jitra, Kedah melancarkan konsep baru jualan runcit produknya, iaitu kiosk bergerak.

Pelancaran kiosk bergerak itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Pengarah Urusan KHFB, Datuk Syazryl Eskay Abdullah, berkata sebagai permulaan, sebanyak 60 kiosk bergerak yang menggunakan treler khas akan memulakan perkhidmatan minggu depan di kawasan tumpuan orang ramai seperti pasar malam, pasar sehari, pasar tani dan taman perumahan.

Beliau berkata KHFH sebagai pembekal daging dan pelbagai produk hiliran akan bekerja sama dengan EON Finance Bhd dan Mara bagi membantu 60 peniaga yang sudah dipilih menjalankan perniagaan kiosk itu dari segi pinjaman modal.

Mara menawarkan kepada peniaga pembiayaan modal sehingga RM10,000 dengan tempoh pembayaran balik tiga tahun, manakala EON Finance pula menawarkan pembiayaan sehingga 90 peratus bagi pembelian treler berharga RM25,000 seunit yang mampu mengangkut lebih 400 kilogram daging beku dan segar.

"Kiosk bergerak itu dilengkapi ciri canggih yang memenuhi kehendak piawaian bagi memelihara kualiti daging dan memanjangkan jangka hayat produk.

"Selain itu, ia dilengkapi dengan rak pameran dingin bagi mempamerkan daging yang siap dibungkus serta menghindari habuk, lalat dan bau," katanya.

Beliau berkata daging yang siap dibungkus mengikut berat tertentu akan menggunakan pembungkus KHFB.

Kompleks Paya Pahlawan mempunyai kelengkapan rumah sembelih dan kemudahan bilik sejuk yang dapat menyimpan kira-kira 1,500 tan daging beku pada satu masa.

Pusat berkenaan mampu menampung 30 peratus keperluan daging negara.

Syazryl berkata konsep pemasaran itu akan diuruskan oleh sebuah syarikat baru, Meat Express.

Katanya, KHFB menjangka konsep baru itu akan dapat diperluaskan ke seluruh negara menjelang hujung tahun ini.

Sehingga ini, KHFH sudah memulakan operasi kedai daging beku import dan tempatan di premisnya yang dikenali sebagai Meat Shop di Pasar Besar SM di Alor Star.